

Tahap Amalan Ibadah Terhadap Penghayatan Nilai Pendidikan Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar

Nur Afifah binti Saharudin^{1, a)}, Norhaslina binti Sulaiman^{2, b)} and Ahmad Fkrudin bin Mohamed Yusoff^{3, c)}

^{1,2,3}
Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak.

^{a)}Corresponding author: nurafifah@polycc.edu.my

Received 1 October 2025, Accepted 28 October 2025, Available Online 17 November 2025

Abstrak. Perubahan sosial dan pengaruh teknologi digital telah mempengaruhi tahap penghayatan nilai Islam dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi, khususnya aspek ibadah yang menjadi tunjang pembentukan sahsiah Muslim. Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap amalan ibadah terhadap penghayatan nilai Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar serta menganalisis perbezaan tahap amalan ibadah berdasarkan jantina dan lokasi kediaman. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 338 orang pelajar Muslim sebagai responden yang dipilih secara rawak mudah. Instrumen soal selidik mengandungi item berkaitan ibadah solat, puasa dan zakat serta data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi dengan menggunakan SPSS. Dapatan menunjukkan tahap amalan solat dan puasa pelajar adalah tinggi dengan min keseluruhan ialah 4.15 (SD=0.29) dan 4.16 (SD=0.36). Namun, masih terdapat pelajar yang tidak menunaikan solat di awal waktu dan pernah ponteng puasa. Manakala kesedaran terhadap zakat yang menunjukkan min 4.49 (SD=0.49), tetapi pemahaman mengenai kadar zakat harta menunjukkan min 4.24 (SD=0.71) kerana pada usia ini mereka tidak menanggung komitmen sebagai pembayar zakat. Selain itu, ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari aspek jantina dengan nilai $t = 0.100$ dan $p = 0.921$ manakala tiada perbezaan yang signifikan bagi lokasi kediaman iaitu nilai $t = 0.600$ dan $p = 0.549$ terhadap tahap amalan ibadah. Oleh hal yang demikian, kajian ini memberi impak kepada pihak institusi untuk memperkukuh pelaksanaan program pendidikan Islam secara bersepadu melalui aktiviti praktikal seperti bengkel tazkiyyah al-nafs, perkhemahan ibadah dan pendedahan ilmu falak serta aktiviti halaqah ilmu dan penglibatan bersama komuniti dalam kalangan pelajar tanpa mengira latar belakang demografi.

Keywords: amalan ibadah, penghayatan nilai, pendidikan islam, politeknik, pelajar muslim

PENGENALAN

Perkembangan revolusi 4.0 telah membangunkan generasi digital yang membesar dalam dunia teknologi serba canggih sejak dari usia kecil lagi. Pendedahan kepada teknologi digital ini telah turut mempengaruhi nilai, budaya serta tingkah laku generasi ini. berbanding generasi terdahulu. Proses sosialisasi dan kematangan generasi kini banyak dibentuk oleh media massa. Pelbagai budaya dan nilai baharu yang ditonjolkan menerusi media massa dan media elektronik turut mempunyai nilai-nilai yang bercanggah dengan prinsip syariat. Hal ini mungkin kelihatan biasa bagi remaja-remaja di barat, namun sangat membimbangkan apabila melibatkan remaja-remaja muslim.

Penentuan nilai-nilai dan sahsiah diri bagi seorang muslim terikat dengan panduan tauhid, ibadah dan akhlak Islamiah yang ditentukan oleh Allah SWT. Kemampuan remaja Muslim untuk menolak nilai-nilai negatif dan membezakan perlakuan halal dan haram, baik dan buruk, suruhan melaksanakan perintah atau menjauhi larangan agama perlu diasuh melalui sistem Pendidikan Islam yang berkesan. Pada asasnya, ibu bapa adalah pihak yang bertanggungjawab mengajarkan Pendidikan Islam kepada anak-anak. Namun, peranan ini telah diambil alih atau dibantu oleh para guru Pendidikan Islam. Secara umumnya di Malaysia, Pendidikan Islam boleh dilihat dalam dua dimensi iaitu sebuah sistem pendidikan dan sebagai satu mata pelajaran. Kedua-dua dimensi ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain.

Latar Belakang Kajian

Pembelajaran Pendidikan Islam bukan sekadar berteraskan teori semata-mata, sebaliknya menuntut kepada kefahaman mendalam dan penghayatan terhadap ilmu yang dipelajari. Ini selaras dengan matlamat utama

pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan insan bertanggungjawab kepada Allah SWT, sesama manusia dan alam sekitar, demi mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat (Darusalam & Hussin, 2016). Dalam usaha mencapai matlamat ini, nilai-nilai akhlak seperti sabar, amanah dan istiqamah perlu diterapkan secara berterusan dalam diri pelajar. Pendekatan sabar, misalnya, merupakan asas penting dalam pembentukan akhlak pelajar Muslim kerana ia membantu mereka mengawal emosi, membuat keputusan secara rasional serta membina sahsiah diri yang utuh (Ahmad Jafri Bahar & Md. Sham, 2023). Kajian terkini Mohamed, N. R., & Zainal, A. (2025) menunjukkan bahawa pembangunan spiritual dalam institusi pengajian tinggi wajar diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memperkukuh dimensi rohani dan nilai ihsan dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pendekatan tarbiah yang berasaskan nilai-nilai spiritual Islam wajar diberi penekanan dalam sistem pendidikan tinggi. Pembentukan generasi Muslim yang berakhlak mulia dan memiliki integriti sahsiah tinggi seharusnya menjadi teras utama sistem pendidikan negara.

Pendidikan yang menekankan nilai murni serta penghayatan agama secara menyeluruh diyakini mampu mencorak hala tuju pembangunan bangsa dan negara ke arah kegemilangan. Konsep dan peranan Pendidikan Islam pada abad ke-21 ini adalah sangat mencabar. Ia bukan sekadar proses mencurahkan ilmu pengetahuan, bahkan ia berperanan membentuk karakter insan secara holistik agar kembali bersandarkan ajaran Islam dalam segenap aktiviti kehidupan. Pendidikan Islam turut berdepan cabaran besar kerana remaja berhadapan dengan lambakan bahan negatif di media sosial serta kelemahan pemantauan ibu bapa yang sibuk bekerja. Keadaan ini menimbulkan pelbagai masalah akhlak dan pengabaian nilai murni (Sharifah Shahida & Azlini, 2025). Berdasarkan kajian Nor, M.N.I, Rahim, A.M.F & Azmi, N.S (2023) amalan rukhsah solat di Politeknik Seberang Perai, walaupun tahap pengetahuan tentang rukhsah solat tinggi, tahap amalan masih sederhana, menunjukkan jurang praktikal walau ada kesedaran. Para remaja Muslim perlu diberikan pengetahuan dan pembelajaran berkenaan prinsip-prinsip dasar hukum Islam. Lambakan bahan-bahan negatif di aplikasi sosial dan laman-laman sesawang telah menimbulkan pelbagai masalah serius dalam perkembangan akhlak remaja masa kini. Hal ini bertambah parah berikutan tiada pemantauan, kawalan dan bimbingan daripada ibu bapa yang sibuk bekerja. Justeru, penekanan kepada pendidikan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan perlu diberi perhatian agar dapat melahirkan pelajar yang seimbang daripada pelbagai aspek.

Beberapa kajian telah diteliti bagi meninjau masalah berkaitan nilai dan penghayatan agama dalam kalangan remaja di institusi pendidikan. Kajian oleh Sharifah Shahida, S. M., dan Azlini, C. (2025) melaporkan bahawa salah laku remaja ada kaitan dengan perasan ingin mencuba, pengaruh rakan dan keadaan sosio ekonomi keluarga yang rendah. Kajian oleh Ruzairi, R., dan Jasmi, K. A. (2022) menjelaskan lapan punca yang menyumbang kepada keruntuhan akhlak dan adab remaja masa kini iaitu gajet/ teknologi/ pengaruh media sosial, kurang pendidikan akhlak, peraturan sekolah yang banyak memihak kepada murid, ibu bapa, kegagalan individu, rakan sebaya, pengaruh keluarga dan persekitaran dan sikap individualistik masyarakat.

Kajian oleh Wazir et al. (2020) melaporkan bahawa salah laku dalam kalangan remaja bermasalah akhlak berpunca daripada faktor kerohanian, diri sendiri, rakan, sikap ingin mencuba, kurang didikan agama dan ketahanan diri yang lemah. Othman, M., Sarnon, N., dan Zakaria, E. (2018) menjelaskan bahawa kepincangan akhlak dan tingkah laku remaja berpunca daripada kegagalan rumah tangga ibu bapa dalam mendisiplin, mendidik dan mengadabkan anak-anak. Hal ini turut disokong oleh Nasir (2023) yang menyatakan bahawa hubungan negatif ibu bapa dan remaja menyumbang kepada penghasilan tingkah laku agresif, jenayah dan devian. Daripada penelitian kajian-kajian tersebut, dapat dikenalpasti bahawa pendorong kepada salah laku remaja berpunca daripada kelemahan penghayatan agama dan nilai pendidikan Islam dalam diri seseorang.

Walaupun banyak kajian meneliti punca keruntuhan akhlak remaja dan cabaran teknologi, kajian yang menghubungkan secara spesifik antara amalan ibadah asas (solat, puasa, zakat) dengan penghayatan nilai Islam dalam kalangan pelajar politeknik atau IPT dalam konteks Malaysia masih diperlukan. Misalnya, kajian Nor, M.N.I, Rahim, A.M.F & Azmi, N.S (2023) berkaitan dengan rukhsah solat dan solat fardhu memberi gambaran bahawa pengetahuan sahaja tidak cukup untuk menghasilkan amalan yang konsisten. Walau bagaimanapun kajian konseptual terkini seperti Mohamed, N. R., & Zainal, A. (2025) turut mencadangkan keperluan integrasi pendekatan spiritual dalam kurikulum sebagai cara memperkukuh penghayatan nilai dalam pembelajaran di IPT supaya boleh dicadangkan kepelbagaian aktiviti atau program yang memelihara nilai pengalaman ajaran Islam.

Justeru, sebuah kajian telah dijalankan terhadap pelajar-pelajar di Politeknik Ungku Omar untuk mengenal pasti tahap pengamalan dan penghayatan nilai Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar khususnya dari aspek ibadah yang melibatkan persepsi sendiri berkaitan dengan solat, puasa dan zakat serta menentukan perbezaan tahap amalan berdasarkan jantina dan lokasi kediaman pelajar. Hal ini menunjukkan bagaimana proses penambahbaikan amalan dan nilai islam dapat diimplimentasikan secara praktikal berdasarkan hasil kajian. Oleh itu, hasil kajian ini diharap dapat memberi input bagi penambahbaikan dan memantapkan kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan di peringkat pengajian diploma Politeknik Malaysia.

Objektif Kajian

1. Menilai tahap amalan ibadah (solat, puasa, dan zakat) dalam kalangan pelajar Muslim di Politeknik Ungku Omar.
2. Menganalisis perbezaan tahap amalan ibadah berdasarkan jantina pelajar.
3. Menganalisis perbezaan tahap amalan ibadah berdasarkan lokasi kediaman pelajar.

Hipotesis Kajian

HO¹ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan ibadah berdasarkan jantina.

HO² Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan ibadah berdasarkan lokasi kediaman.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini ialah kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif yang melibatkan pelajar Muslim di Politeknik Ungku Omar. Responden kajian telah dipilih secara rawak mudah. Seramai 338 responden terdiri dari pelbagai semester akademik pada sesi 1 2023/2024 telah dilibatkan. Mereka terdiri daripada remaja berumur 18 tahun ke atas yang telah mengamalkan amalan Islam dan mencapai usia baligh. Manakala, instrumen kajian merupakan soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik Jurami, S. K., dan Md Sham, F. (2013) merangkumi bahagian iaitu demografi dan tahap amalan ibadah yang merangkumi 3 ibadah khusus iaitu solat, puasa dan zakat. Nilai kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) bagi instrumen ini ialah 0.854, yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan konsisten dan soal selidik boleh ditadbir kepada responden. Interpretasi skor min yang digunakan untuk kajian ini diadaptasi daripada Jamil (2002). Manakala, data dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu min dan sisihan piawai. Kaedah deskriptif dipilih untuk mengumpul maklumat mengenai profil responden dan mengenal pasti tahap amalan ibadah responden. Oleh hal yang demikian, data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* Versi 21 bagi statistik inferensi dengan menjalankan ujian T untuk menjawab hipotesis yang melibatkan perbezaan jantina dan lokasi tempat tinggal.

JADUAL 1-Penilaian Skor Min Likert Lima Mata

Skor Min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil (2002)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Amalan nilai Pendidikan Islam dilihat sebagai satu jati diri Muslim yang membawa kepada pembentukan sahsiah yang baik. Kajian ini telah disertai oleh 338 responden pelajar Politeknik Ungku Omar muslim yang terdiri daripada 225 (66.6%) pelajar lelaki dan 113 (33.4%) pelajar perempuan. Pelajar lelaki lebih besar populasinya di politeknik berbanding pelajar perempuan terutamanya bagi bidang kejuruteraan. Dapatan demografi seperti Jadual 2 menunjukkan data yang diperolehi mengikut bidang pengajian pelajar, jantina dan lokasi tempat tinggal samada bandar atau luar bandar bagi memenuhi latar belakang responden dalam mengamalkan amalan nilai Pendidikan Islam.

JADUAL 2-Demografi Responden

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	225	66.6%
Perempuan	113	34.4%
Lokasi Tempat Tinggal	Frekuensi	Peratus
Bandar	213	63%
Luar bandar	125	37%
Bidang	Frekuensi	Peratus
Kejuruteraan Mekanikal	67	19.8%
Kejuruteraan Elektrik	82	24.3%
Kejuruteraan Awam	41	12.1%
Kejuruteraan Perkapalan	42	12.4%
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	23	6.8%
Perdagangan	83	24.6%

Demografi responden ini menunjukkan peratusan yang seimbang bagi setiap bidang pengajian pelajar dan kebanyakan pelajar yang menyertai responden ini adalah berasal dari bandar iaitu 63% berbanding luar bandar 37%. Namun demikian, lokasi tempat tinggal pelajar menunjukkan tahap amalan ibadah boleh dianalisis untuk melihat perbezaan yang signifikan.

Tahap Amalan Ibadah Solat Dalam Kalangan Pelajar

Kajian ini menilai tahap amalan ibadah solat dalam kalangan pelajar politeknik melalui empat item utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhan, tahap amalan ibadah solat pelajar berada pada tahap tinggi, berdasarkan interpretasi skor min oleh Jamil (2002) yang menetapkan nilai 3.68 hingga 5.00 sebagai kategori tinggi. Tahap amalan ibadah solat yang dinyatakan dalam jadual 3 menunjukkan responden pelajar dalam pelaksanaan solat yang menunjukkan (min = 4.22, SD = 0.75) bagi item menunaikan solat tanpa gagal. Manakala, (min = 4.29, SD = 0.72) menunjukkan usaha pelajar untuk gantikan solat yang ditinggalkan. Kemudian item pelajar tetap solat walaupun dalam masa yang suntuk dengan nilai min 4.30 dan sisihan piawai 0.76. Namun demikian, galakan terhadap solat di awal waktu boleh ditingkatkan kerana min item pelajar yang menunaikan solat di awal waktu ialah 3.80 dengan sisihan piawai 0.71, namun masih berada dalam kategori tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa, pelajar kekal melaksanakan solat fardu tanpa gagal namun kurang galakan untuk menunaikan solat di awal waktu. Walau bagaimanapun, item yang melibatkan pelaksanaan solat fardu 5 waktu tanpa gagal itu masih terdapat pelajar yang tidak melengkapkan solat fardhu 5 waktu dengan sebaiknya.

JADUAL 3- Tahap Amalan Ibadah Solat

Item	Min	SD
Saya menunaikan solat fardu 5 waktu setiap hari tanpa gagal.	4.22	0.75
Saya menunaikan solat fardu di awal waktu.	3.80	0.71
Saya tetap menunaikan solat waktu walaupun kesuntukan masa untuk ke kelas.	4.30	0.76
Saya berusaha menggantikan solat yang saya tinggalkan.	4.29	0.72

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar mempunyai tahap pematuhan yang baik terhadap pelaksanaan solat fardu termasuk usaha menggantikan solat yang ditinggal serta menunaikannya meskipun dalam kesibukan harian. Dapat disimpulkan bahawa, pelajar tidak sewenang-wenangnya meninggalkan solat tanpa sebab dan menunjukkan mereka mempunyai kesedaran yang baik terhadap kewajipan solat.

Tahap Amalan Ibadah Puasa Dalam Kalangan Pelajar

Kajian ini menilai tahap amalan ibadah puasa dalam kalangan pelajar politeknik berdasarkan lima item utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap kewajipan berpuasa adalah sangat tinggi (min = 4.89, SD = 0.38). Pelajar juga menunjukkan tahap kesedaran yang baik dalam menggantikan puasa yang ditinggalkan (min = 4.56, SD = 0.69) dan menjaga syarat-syarat sah puasa (min = 4.70, SD = 0.50). Selain itu, pelajar turut berusaha memelihara diri daripada perkaraperkara yang boleh mengurangkan pahala puasa dengan skor min 4.34 dan sisihan piawai 0.65 untuk menunjukkan keprihatinan terhadap aspek kesempurnaan ibadah. Namun begitu, terdapat segelintir pelajar yang mengaku pernah ponteng puasa dengan sengaja seperti yang ditunjukkan oleh skor min yang paling rendah iaitu 2.29 dengan sisihan piawai yang agak tinggi (SD = 1.34). Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan bahawa pelajar politeknik berada pada tahap tinggi dalam pelaksanaan ibadah puasa, namun aspek kejujuran dalam menahan diri daripada meninggalkan puasa secara sengaja perlu diberi perhatian melalui pendekatan amar makruf dan kesedaran beragama yang berterusan.

JADUAL 4-Tahap Amalan Ibadah Puasa

Item	Min	SD
Saya tahu hukum kewajipan berpuasa di bulan Ramadan.	4.89	0.38
Saya pernah ponteng puasa Ramadan dengan sengaja.	2.29	1.34
Saya mengganti puasa yang saya tinggalkan.	4.56	0.69
Saya menjaga syarat-syarat sah puasa.	4.70	0.50
Saya memelihara diri daripada perkara-perkara yang mengurangkan pahala puasa.	4.34	0.65

Justeru, dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai pemahaman dan amalan yang baik terhadap kewajipan berpuasa seperti mengetahui hukum puasa, menjaga syarat sah puasa dan menggantikannya jika ditinggalkan. Namun begitu, masih ada sebilangan kecil pelajar yang pernah ponteng puasa dengan sengaja. Oleh itu, keperluan terhadap penekanan nilai disiplin dan kesedaran tanggungjawab beragama perlu diberi penekanan terhadap pelajar sesuai dengan usia mereka.

Tahap Amalan Ibadah Zakat Dalam Kalangan Pelajar

Kajian ini menilai tahap amalan ibadah zakat dalam kalangan pelajar politeknik berdasarkan lima item utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap kewajipan mengeluarkan zakat fitrah (min = 4.56, SD = 0.61) dan memastikan zakat fitrah dibayar (min = 4.55, SD = 0.61), walaupun kebanyakan mereka masih berada di bawah tanggungan ibu bapa. Selain itu, pelajar juga menunjukkan kesedaran yang baik terhadap golongan yang layak menerima zakat dengan skor min tertinggi iaitu 4.64 dan SD = 0.57. Dari segi pengetahuan zakat harta, pelajar mempunyai tahap pemahaman yang sederhana baik terhadap kadar zakat (min = 4.24, SD = 0.71) dan tujuan pengeluarannya menurut Islam (min = 4.47, SD = 0.58). Hal ini menunjukkan perlunya pengukuhan ilmu dari aspek zakat harta yang kurang didedahkan secara langsung kepada mereka. Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan bahawa pelajar Politeknik menunjukkan tahap penerimaan positif terhadap ibadah zakat, khususnya zakat fitrah. Namun, pelajar perlu tahu bahawa pengurusan zakat dalam Islam, bukan sekadar zakat fitrah semata-mata, bahkan melibatkan pelbagai lagi jenis zakat. Mereka juga perlu dibimbing untuk memahami tujuan tuntutan berzakat supaya ibadah ini bukan sekadar ikut-ikutan tetapi memahami falsafah zakat menurut perspektif agama.

JADUAL 5-Tahap Amalan Ibadah Zakat

Item	Min	SD
Saya tahu hukum kewajipan mengeluarkan zakat fitrah.	4.56	0.61
Saya memastikan zakat fitrah saya dibayar.	4.55	0.61
Saya tahu kadar zakat harta yang ditetapkan dalam Islam.	4.24	0.71
Saya tahu tujuan pengeluaran zakat harta menurut Islam.	4.47	0.58
Saya tahu golongan yang layak menerima zakat.	4.64	0.57

Justeru, dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai tahap kesedaran dan pengetahuan yang baik terhadap ibadah zakat, khususnya zakat fitrah, walaupun mereka masih di bawah tanggungan ibu bapa. Namun begitu, aspek zakat harta memerlukan pemantapan pengetahuan yang lebih mendalam agar pelajar lebih memahami tujuan, kadar dan pengeluarannya menurut perspektif Islam.

JADUAL 6- Perbezaan Tahap Amalan Ibadah Terhadap Penghayatan Nilai Pendidikan Islam bagi Jantina

			Jantina	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig.
Tahap Penghayatan Nilai Islam	Amalan Ibadah	Lelaki		4.28	.387	0.100	336	.921
		Perempuan		4.27	.277			

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap amalan ibadah dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Hasil analisis ujian-t menunjukkan nilai $t = 0.100$, $df = 336$, dan $p = 0.921$ ($p > 0.05$), menandakan bahawa perbezaan min antara pelajar lelaki dan perempuan adalah tidak signifikan secara statistik. Walaupun pelajar lelaki mencatatkan min skor amalan ibadah yang sedikit lebih tinggi (min = 4.2759, SP = 0.38686) berbanding pelajar perempuan (min = 4.2718, SP = 0.27728), perbezaan ini adalah terlalu kecil untuk memberikan implikasi praktikal yang besar.

Oleh itu, hipotesis nol (H_0) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan tahap amalan ibadah terhadap penghayatan nilai Pendidikan Islam berdasarkan jantina adalah diterima. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan nilai Pendidikan Islam melalui amalan ibadah adalah konsisten dalam kalangan pelajar tanpa mengira jantina. Hal ini memberi implikasi bahawa pendekatan pengukuhan nilai ibadah dalam pengajaran Pendidikan Islam boleh dilaksanakan secara inklusif tanpa perlu diubah suai mengikut kumpulan jantina tertentu.

JADUAL 7- Perbezaan Tahap Amalan Ibadah Terhadap Penghayatan Nilai Pendidikan Islam bagi Lokasi Tempat Tinggal

			Jantina	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig.
Tahap Penghayatan Nilai Islam	Amalan Ibadah	Bandar		4.28	.310	0.600	336	.549
		Luar Bandar		4.25	.418			

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap amalan ibadah berdasarkan latar belakang kediaman pelajar. Hasil analisis ujian-t menunjukkan nilai $t = 0.600$, $df = 336$, dan $p = 0.549$ ($p > 0.05$), yang menjelaskan bahawa perbezaan antara kedua-dua kumpulan adalah tidak signifikan secara statistik. Dari segi min, pelajar yang tinggal di kawasan bandar mencatatkan nilai min yang sedikit lebih tinggi (min = 4.2834, SP = 0.30983) berbanding pelajar luar bandar (min = 4.2594, SP = 0.41872). Namun, perbezaan ini terlalu kecil untuk membawa makna yang besar dalam konteks praktikal.

Oleh itu, hipotesis nol (H_0) bahawa tidak terdapat perbezaan tahap amalan ibadah terhadap penghayatan nilai Pendidikan Islam berdasarkan kediaman adalah diterima. Dapatan ini menunjukkan bahawa lokasi kediaman sama ada di bandar atau luar bandar tidak menjadi faktor utama yang mempengaruhi penghayatan nilai ibadah dalam kalangan pelajar. Implikasinya, pendekatan pengajaran nilai ibadah dalam Pendidikan Islam dapat disampaikan secara seimbang dan menyeluruh tanpa perlu menyesuaikan kandungan atau kaedah mengikut latar kawasan kediaman pelajar.

Perbincangan

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar politeknik mempunyai tahap amalan ibadah solat yang tinggi, khususnya dalam menunaikan solat lima waktu walaupun dalam kesibukan harian (min = 4.30). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar cenderung mematuhi kewajipan solat secara asas, namun masih ada ruang penambahbaikan dari aspek kepatuhan kepada waktu solat yang ditetapkan. Dapatan ini selari dengan kajian

Baharuddin, E., dan Mat Yunoh, M. N. (2022) ke atas pelajar Kolej Poly-Tech MARA Bangi yang menunjukkan 88.75% pelajar memiliki pengetahuan agama yang sangat baik dan 56% menunjukkan tahap amalan agama yang sangat baik. Hal ini mengesahkan bahawa terdapat hubungan antara tahap pengetahuan agama dengan keberkesanan amalan agama dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Malahan kajian ini turut menyokong pandangan bahawa pelajar yang memahami kewajiban agama secara teori lebih cenderung mengamalkannya secara praktikal. Selain itu, al-Ghazali dan al-Nawawi menekankan bahawa keberkesanan ibadah tidak hanya terletak pada pelaksanaannya, tetapi juga pada kualitasnya termasuk kepatuhan terhadap waktunya (al-Nawawi, 1989). Penambahbaikan ini menuntut supaya kajian lanjutan memberi fokus kepada dimensi kualiti ibadah (ruhani, khusyuk, serta istiqamah) dan bukan hanya kuantiti pelaksanaan solat, sebagaimana ditegaskan oleh kajian kontemporari yang menilai spiritual well-being dalam kalangan mahasiswa (Abdul Rahim & Yahya, 2024).

Namun begitu, keberkesanan pelaksanaan solat awal waktu mungkin dipengaruhi oleh faktor persekitaran institusi, jadual akademik yang padat dan pilihan keutamaan individu. Pelaksanaan solat di awal waktu mencatatkan (min = 3.80), meskipun masih dalam kategori tinggi. Kajian oleh Sidi, Hamzah dan Ab Halim (2021) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman dan pengamalan solat fardu dengan pencapaian pembelajaran dalam kursus *Fiqh al-Ibadat*. Kajian ini turut menekankan bahawa pemahaman yang baik terhadap kewajiban solat dapat mendorong kepada pengamalan yang lebih konsisten termasuk keutamaan pelaksanaan solat di awal waktu. Oleh itu, ibadah solat bukan sahaja memberi kesan terhadap rohani tetapi turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar serta pembentukan sahsiah yang holistik. Seiring dengan itu, beberapa penyelidikan terkini juga mencadangkan supaya intervensi berbentuk sokongan institusi seperti penyediaan ruang solat strategik dan pengurusan masa kuliah yang fleksibel dapat meningkatkan komitmen pelajar terhadap solat awal waktu (Mahadewi Puteri & Maghribi, 2023).

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar politeknik mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap kewajiban berpuasa khususnya dalam aspek mengetahui hukum puasa (min = 4.89), menjaga syarat sah puasa (min = 4.70), serta menggantikan puasa yang ditinggalkan (min = 4.56). Ini menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja memahami tuntutan agama, malah cuba mengamalkannya secara konsisten dalam kehidupan seharian. Dapatan ini selari dengan kajian awal oleh Jurami, S. K., dan Md Sham, F. (2013) yang mendapati tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar adalah tinggi, termasuk dalam aspek solat, puasa dan akhlak, sekaligus menunjukkan keberkesanan pendekatan Pendidikan Islam di peringkat politeknik. Manakala daripada kajian Ahmad et al. (2014) yang menunjukkan pelajar Universiti Utara Malaysia memiliki tahap penghayatan solat dan komitmen terhadap penglibatan dalam aktiviti keagamaan. Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi berperanan besar dalam membentuk pengukuhan pengetahuan agama yang disampaikan secara sistematik dan berterusan. Malah, aktiviti tersebut mampu membentuk komitmen yang tinggi terhadap pelaksanaan ibadah dalam kalangan pelajar. Namun, dapatan kajian terkini mendedahkan bahawa cabaran globalisasi dan pengaruh media sosial memberi kesan kepada konsistensi amalan berpuasa dalam kalangan remaja, justeru program tazkiyyah al-nafs dan pendekatan tarbiah digital wajar diperkukuh bagi memastikan penghayatan ibadah kekal relevan dalam konteks pendidikan masa kini (Faidatul et al., 2021; Abdul Rahim dan Yahya, 2024).

Namun begitu, terdapat kelemahan dari segi kejujuran pelajar dalam menjaga ibadah puasa kerana masih terdapat segelintir pelajar yang mengaku pernah ponteng puasa Ramadan dengan sengaja (min = 2.29, SD = 1.34). Situasi ini mungkin disumbangkan oleh pengaruh rakan sebaya, kelemahan kawalan diri atau persekitaran. Kajian Abdul Rahim, N. A., dan Yahya, S. A. (2024) turut mendapati bahawa 20% daripada mahasiswa Fakulti Pengajian Islam UKM pernah meninggalkan puasa secara sengaja, walaupun 98% mengakui berpuasa sepanjang Ramadan. Maka, penekanan terhadap amar makruf nahi mungkar serta program *tazkiyyah al-nafs* yang menyeluruh adalah amat diperlukan bagi meningkatkan kesedaran dan keikhlasan dalam melaksanakan ibadah. Walaupun sebahagian pelajar menunjukkan komitmen yang tinggi, akan tetapi segelintir pelajar yang sengaja meninggalkan puasa itu akan mempengaruhi keberkesanan penghayatan nilai ibadah. Kelompok ini perlu dibimbing dan diasuh agar mereka sedar bahawa amalan ibadah bukan hanya pelaksanaan zahir semata-mata tetapi memberi impak terhadap hubungan hamba dan penciptanya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan ibadah zakat dalam kalangan pelajar politeknik berada pada tahap baik, khususnya dari aspek kefahaman terhadap zakat fitrah. Hasil analisis deskriptif menunjukkan skor min tertinggi ialah 4.64 (SD = 0.57) bagi item "tahu golongan yang layak menerima zakat", diikuti oleh pemahaman tentang kewajipan mengeluarkan zakat fitrah (min = 4.56, SD = 0.61) dan memastikan zakat tersebut dibayar (min = 4.55, SD = 0.61). Ini menunjukkan pelajar telah didedahkan secara langsung atau tidak langsung melalui sistem pendidikan formal atau amalan keluarga. Penemuan ini sejajar dengan kajian oleh Faidatul et al. (2021) yang mendapati bahawa majoriti mahasiswa mengetahui asas zakat fitrah seperti waktu pelaksanaan dan syarat wajib, walaupun bayaran zakat fitrah masih banyak dilakukan oleh keluarga. Kajian Jamaliah, Hamzah dan Lubis (2017) turut menunjukkan bahawa penguasaan ilmu fardhu ain dalam kalangan pelajar termasuk golongan muallaf sangat penting dalam membentuk pemahaman terhadap ibadah asas seperti zakat, selari dengan dapatan kajian ini yang menekankan keperluan pengukuhan ilmu zakat secara menyeluruh. Namun, kefahaman tentang aspek yang lebih mendalam seperti kadar zakat, bentuk bayaran dan konsep timbangan masih rendah, sekali gus menunjukkan keperluan pengukuhan pengetahuan secara lebih menyeluruh dalam sistem pendidikan. Tambahan pula, dapatan ini konsisten dengan kajian semasa yang menunjukkan kesedaran zakat dalam kalangan pelajar universiti semakin meningkat hasil pendedahan daripada institusi zakat dalam pelaksanaan program di kampus (Abd Rahim, 2022; Rosli et.al, 2024). Namun, kefahaman tentang aspek yang lebih mendalam seperti kadar zakat, bentuk bayaran dan konsep timbangan masih rendah, sekali gus menunjukkan kepentingan inovasi melalui saluran pembayaran zakat seperti e-payment terhadap kefahaman dan praktis pelajar (Abdul Rasool et.al, 2023).

Manakala, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap amalan ibadah dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina, dengan nilai $t = 0.100$, $df = 336$, dan $p = 0.921$ ($p > 0.05$). Penemuan ini disokong oleh kajian Osman, A., dan Ahmed, I. O. M. (2021) yang mendapati bahawa tiada perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam orientasi keagamaan serta mekanisme penyesuaian diri berasaskan agama termasuk dalam menghadapi tekanan akademik. Hal ini menunjukkan bahawa pengamalan dan penghayatan nilai-nilai agama berlaku secara seimbang tanpa dipengaruhi oleh perbezaan jantina. Malah, Mahadewi Puteri Intan, dan Maghribi, H. (2023) turut menegaskan bahawa dalam perspektif pendidikan Islam, tuntutan ibadah dan pengamalan nilai agama adalah bersifat sejagat dan tidak mengkhusus kepada jantina tertentu. Walaupun terdapat sedikit perbezaan skor min antara pelajar lelaki (min = 4.2759) dan perempuan (min = 4.2718), perbezaan ini adalah terlalu kecil dan tidak membawa implikasi praktikal yang bermakna. Justeru, pendekatan pengukuhan nilai ibadah boleh dilaksanakan secara menyeluruh dan tidak perlu disesuaikan mengikut kumpulan jantina tertentu. Secara rasionalnya, ini mungkin disebabkan oleh keseragaman kurikulum Pendidikan Islam dan pengaruh persekitaran pembelajaran yang sama rata antara pelajar lelaki dan perempuan. Justeru, pendekatan pengukuhan nilai ibadah boleh dilaksanakan secara menyeluruh tanpa keperluan perbezaan gender. Hal ini selari dengan dapatan semasa yang menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar meningkat secara umum tanpa dipengaruhi oleh latar belakang yang melibatkan jantina (Rosli et.al, 2024).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa tahap amalan ibadah dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar berada pada tahap tinggi khususnya dalam aspek solat, puasa dan zakat. Walaupun terdapat kekurangan seperti amalan solat yang tidak konsisten di awal waktu dan segelintir pelajar yang pernah meninggalkan puasa, dapatan menunjukkan bahawa penghayatan nilai Islam masih kukuh diamalkan merentasi jantina dan latar belakang kediaman. Hal ini menegaskan bahawa Pendidikan Islam berperanan membentuk pelajar yang seimbang dan mampu menghayati tuntutan agama dalam pelbagai konteks kehidupan. Namun, impak yang positif mungkin dapat dilihat apabila amalan ibadah seperti solat, puasa dan zakat dipraktis melalui aktiviti atau program intervensi atau bimbingan secara berterusan.

Sehubungan itu, dapatan ini memberi implikasi bahawa Pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi boleh dilaksanakan secara inklusif dan perlu diterjemahkan kepada pelan intervensi yang konsisten termasuklah: (i) pelaksanaan halaqah mingguan atau bulanan dengan KPI sekurang-kurangnya 70-80% penglibatan pelajar, (ii) pengintegrasian modul tazkiyyah al-nafs, solat dan falak dalam Pdp dengan indikator keberhasilan seperti

peningkatan pengetahuan dan refleksi pelajar, serta (iii) pelaksanaan bimbingan mentor-mentee berfokuskan ibadah dengan KPI setiap mentor membimbing sekurang-kurangnya 7-10 pelajar dalam satu semester. Maka, KPI yang jelas dan tersusun ialah strategi yang baik supaya pihak institusi dapat menilai keberkesanan pendekatan Pendidikan Islam bukan hanya dari aspek teori, tetapi juga penghayatan praktikal dalam kalangan pelajar.

Kajian ini bagaimanapun mempunyai beberapa limitasi. Pertama, reka bentuk *cross-sectional* hanya memberi gambaran semasa tanpa menilai perubahan amalan ibadah dalam jangka panjang. Kedua, penggunaan soal selidik berasaskan sendiri berisiko menimbulkan *self-report bias* kerana pelajar mungkin memberikan jawapan yang lebih positif daripada realiti. Ketiga, kajian ini hanya dijalankan di satu institusi iaitu Politeknik Ungku Omar. Maka, terdapat keterbatasan dari segi kebolegunaan dapatan ke seluruh institusi TVET. Oleh itu, kajian lanjutan wajar menggunakan reka bentuk longitudinal, melibatkan triangulasi data seperti temu bual atau pemerhatian, serta menjalankan kajian perbandingan merentas politeknik, kolej komuniti dan universiti awam untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap keberkesanan Pendidikan Islam di Malaysia.

ACKNOWLEDGMENTS

Sekalung penghargaan didedikasikan buat para responden dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi Politeknik Ungku Omar yang telah membenarkan kajian ini dijalankan..

RUJUKAN

- N. A. Abdul Rahim and S. A. Yahya, “*Tahap penghayatan agama dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*,” *Jurnal 'Ulwan* 9(2), 218–232 (2024). [Online]. Available: <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/1843>
- M. A. Abd Rahim, “*The students' awareness towards Zakat role among university students in Selangor, Malaysia*,” *European Proceedings of Social and Behavioural Sciences* (2022). <https://doi.org/10.15405/epms.2022.10.12>
- M. S. Abdul Rasool, H. A. Rahim, N. N. Hasbullah, and A. A. Ab Aziz, “*Acceptance of Zakat E-payment System: A perception of undergraduates*,” *Asian Social Science* 19(2), 77–86 (2023). <https://doi.org/10.5539/ass.v19n2p77>
- S. Ahmad, Y. Don, W. A. R. K. Wan Abdullah, M. Mohammed Ibrahim, and S. F. Mat Hussain, “*Penghayatan solat dan pengimarahannya masjid: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM)*,” *Proc. 2nd Int. Conf. Social Sciences Research (ICSSR 2014)*, 786–797 (2014).
- A. J. Bahar and F. Md. Sham, “*Pendekatan sabar dalam pembentukan akhlak Muslim pelajar*,” *Journal of Science and Humanities* 20(1), 1–16 (2023).
- al-Nawāwī, Hadis empat puluh* (M. A. Rahman, Trans.) (Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 1989).
- E. Baharuddin and M. N. Mat Yunoh, “*Tahap pengetahuan dan amalan agama pelajar universiti: Kajian kes Kolej Poly-Tech MARA Bangi*,” *Proc. Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET)*, 402–409 (Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 2022). [Online]. Available: <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/18294>
- G. Darusalam and S. Hussin, *Pedagogi Pendidikan Islam* (2nd ed.) (Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2016).
- N. F. F. Faidatul, M. Fidlizan, A. R. Azila, M. S. Ahmad Zakirullah, M. H. Mohd Yahya, and A. S. Salwa Amirah, “*Konsep zakat fitrah: Tinjauan dalam kalangan mahasiswa pengajian tinggi*,” *UMRAN – Int. J. Islamic and Civilizational Studies* 8(1), 117–124 (2021).
- A. J. Jamaliah, M. I. Hamzah, and M. A. Lubis, “*Tahap pengetahuan dan amalan fardhu ain anak-anak muallaf sekolah menengah di bahagian Sri Aman Sarawak*,” *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1), 107–123 (2017).
- A. Jamil, *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru sekolah: Satu penilaian (Ph.D. thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002)*.
- S. K. Jurami and F. Md. Sham, “*Pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh*,” *Islamiyyat: Int. J. Islamic Studies* 35(1), 29–38 (2013).
- M. P. I. Mahadewi and H. Maghribi, “*Islamic education in gender perspective*,” *Paradigma: Scientific Studies on Science, Religion, and Culture* 20(2), 216–231 (2023).

- N. R. Mohamed and A. Zainal, “*Strengthening spiritual development approaches in teaching and learning for Malaysian higher education students: An integrative conceptual framework*,” *Int. J. Research and Innovation in Social Science* 9(1), 112–119 (2025). [Online]. Available: <https://rsisinternational.org/journals/ijriss/articles/strengthening-spiritual-developmentapproaches-in-teaching-and-learning-for-malaysian-higher-education-students-an-integrative-conceptualframework/>
- N. C. M. Nasir, *Jenayah dari perspektif klasik, biososial dan trait personaliti* (UUM Press, 2023).
- M. N. I. Nor, A. M. F. Rahim, and N. S. Azmi, “*Tahap pengetahuan dan amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang*,” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 8(55), 112–125 (2023). [Online]. Available: <https://academicinspired.com/jised/article/view/1824>
- A. Osman and I. O. M. Ahmed, “*Religious orientation, academic stress and religious coping among firstyear undergraduate students*,” *IJUM Journal of Educational Studies* 9(2), 123–140 (2021). <https://doi.org/10.31436/ijes.v9i2.244>
- M. Othman, N. Sarnon, and E. Zakaria, “*Kefungsian keluarga remaja perempuan tidak terkawal: Suatu penerokaan*,” *Human Sustainability Procedia* (2018). [Online]. Available: <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1216>
- N. Z. Rosli, N. Z. Z. Mohamad Yussof, N. H. Azeme, and N. S. Roslan, “*Exploring the level of zakat payment awareness among undergraduate students in UMK*,” *Bachelor’s research project, Universiti Malaysia Kelantan* (2024). [Online]. Available: <https://discol.umk.edu.my/13941/1/G26.pdf>
- R. Ruzairi and K. A. Jasmi, “*Akhlak dan adab generasi muda kini*,” *Proc. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST) 4(1)*, 351–357 (Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 2022). [Online]. Available: https://www.researchgate.net/publication/366191748_Akhlak_dan_Adab_Generasi_Muda_Kini
- S. M. Sharifah Shahida and C. Azlini, “*Faktor penglibatan remaja dalam jenayah juvana: Kajian di Asrama Akhlak Rusila Marang Terengganu*,” *Int. J. Law, Government and Communication* 10(39), 230–245 (2025). [Online]. Available: <https://gaexcellence.com/ijlgc/article/view/5015/4646>
- A. A. Sidi, M. I. Hamzah, and T. Ab Halim, “*Hubungan tahap kefahaman dan pengamalan solat fardhu terhadap hasil pembelajaran kursus Fiqh al-Ibadat dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)*,” *ResearchGate* (2021). [Online]. Available: <https://www.researchgate.net/publication/373806332>
- R. Wazir, A. H. Usman, N. M. Salleh, S. Sudi, A. H. Awang, and S. Rosman, “*Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah*,” *Al-Irsyad: J. Islamic and Contemporary Issues* 5(1), 25–32 (2020).